

CNS5199

U GB 04-12 00153 BD313

aab

Mahathir - Pameran

PM CADANG PAMERAN INDUSTRI PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG DIADAKAN

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya pameran yang berkaitan dengan industri pembinaan lapangan terbang diadakan di Langkawi.

Beliau berkata pameran mengenai peralatan, kemudahan dan rekabentuk lapangan terbang boleh menarik minat banyak pihak memandangkan Malaysia dan beberapa negara lain di rantau ini akan membina lapangan terbang baru.

Pameran seumpama itu sesuai diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di lapangan terbang antarabangsa di sini, yang juga tempat berlangsungnya Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (LIMA '93), katanya ketika merasmikan pusat itu hari ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan memberikan sokongan kepada pameran seumpama itu.

Menurutnya, Langkawi merupakan tempat yang sesuai bagi mengadakan pelbagai pameran, khususnya pameran yang berkaitan dengan industri penerbangan dan perkapalan, yang boleh menarik minat banyak orang. -- Lagi

▼04/12/15-46MST

CNS5201

U GB 04-12 00157 BD314

aab

Mahathir - Pameran 2 Langkawi

"Rantau Asia Timur dan Asia Tenggara sedang mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dan minat orang ramai terhadap industri penerbangan kian bertambah kerana semakin ramai orang berminat menaiki kapal terbang dan memiliki kapal dan bot mewah. Oleh itu pameran yang berkaitan dengannya akan menarik minat banyak orang," katanya.

Mengenai pusat pameran itu, Dr Mahathir berkata, ia dibina selepas LIMA '91 dan didapati sangat berjaya melebihi daripada jangkaan.

"Pada mulanya kita bercadang mengadakan LIMA '91 sebagai pameran untuk pesawat kecil tetapi ia telah menarik minat Russia untuk menyertainya dan diikuti pihak lain," katanya.

Beliau berkata ekoran itu, LIMA telah menjadi pameran udara dan laut yang terkemuka dan untuk itu, kawasan yang lebih luas serta kemudahan yang lebih baik diperlukan memandangkan lebih banyak syarikat berminat menyertai LIMA '93.

"LIMA '93 akan menjadi pameran yang lebih baik daripada LIMA '91," katanya.

-- Lagi

▼04/12/15-52MST

CNS5221

U GB 04-12 00136 BD315

aab

Mahathir - Pameran 3 Langkawi

Perdana Menteri turut memuji Pengerusi Woodhouse Sdn Bhd, Datuk Ting Pek Khiing kerana kejayaannya membina pusat pameran itu yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan dalam tempoh tujuh bulan, yang merupakan satu rekod.

Beliau berkata pada LIMA '91, Ting juga berjaya menyediakan 600 bilik penginapan kelas pertama dalam masa empat bulan dan 300 daripada bilik itu disediakan dalam masa 52 hari.

"Bangunan-bangunan itu masih berdiri kukuh dan saya yakin ia akan terus berdiri kukuh," katanya.

Dr Mahathir berkata, penduduk Langkawi harus bersyukur kerana Langkawi telah mencapai kemajuan yang pesat dan tidak pernah diimpikan oleh mereka sebelum ini.

"Pulau Langkawi sebuah pulau terpencil yang telah disumpah oleh Mahsuri tujuh keturunan. Mujurlah kita sudah lepas daripada sumpahan itu," katanya.

-- Lagi

▼04/12/16-33MST

aab

Mahathir - Pameran 4 Langkawi

Beliau berkata keturunan "kelapan" di Langkawi kini mengecapi nikmat daripada pembangunan pesat di Langkawi.

"Kita bersyukur kerana banyak nikmat di Langkawi. Orang jual nasi lemak pun dah jadi kaya. Rumah-rumah dah jadi rumah batu. Keturunan yang kelapan telah mendapat nikmat dan justeru itu, penduduk Langkawi harus bersyukur," katanya.

Dr Mahathir berkata pusat pameran itu akan digunakan bukan sahaja untuk pameran laut dan udara tetapi juga bagi pameran industri lain supaya dapat menarik minat lebih banyak pelancong dan ahli perniagaan.

Beliau menasihati penduduk Langkawi supaya memelihara keindahan alam semula jadinya kerana jika tidak dijaga, pelancong tidak akan datang lagi ke Langkawi dan pulau itu akan balik seperti keadaan asalnya yang daif dan miskin sejak berabad-abad lalu.

Pada majlis itu, Ting, yang juga Pengerusi Eksekutif Ekran Berhad, menyampaikan cek RM500,000 kepada Dr Mahathir sebagai sumbangan kepada Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL). -- Lagi

▼04/12/16-37MST

U GB 04-12 00079 BD317

aab

Mahathir - Pameran 5 (Akhir) Langkawi

Pada majlis yang sama Perdana Menteri melancarkan buku bergambar bertajuk "Langkawi: Legend in the Paradise 2" karya Encik C.T. Fong yang memaparkan gambar-gambar pemandangan menarik di Langkawi.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman. --

Bername

KHY AKD